

STARTECH HUB: REVOLUSI PERDAGANGAN TEKNOLOGI DAN KOMITMEN KOMUNITI

SUTHARSANAN A/L SELVAM

PROF. MADYA. DR. YAZRINA YAHYA

Fakulti Teknologi & Sains Maklumat, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan, Malaysia

ABSTRAK

StarTech Hub adalah projek e-dagang yang bertujuan untuk mengubah pengalaman membeli-belah produk teknologi dengan menjual pelbagai produk, termasuk aksesori, komputer, telefon pintar, dan komponen komputer. Berdasarkan kepada cabaran yang dihadapi pengguna dalam mencari kedai khusus untuk keperluan teknologi mereka, StarTech Hub bukan sahaja akan menyediakan platform e-dagang yang mudah digunakan dengan kaedah pembayaran yang selamat tetapi juga memperkenalkan tapak komuniti yang unik untuk penggemar teknologi. Projek ini juga mengintegrasikan ciri-ciri canggih, termasuk cadangan produk mengikut keperluan dan kegemaran pelanggan (personalisation) berdasarkan pembelajaran mesin dan forum dinamik untuk ulasan produk dan perbincangan pengguna. Perbincangan adalah platform forum yang dinamik yang membolehkan pengguna untuk berinteraksi, berkongsi pendapat, dan juga memberi ulasan (review) tentang produk. Metodologi pembangunan, yang digunakan adalah kaedah Agile, pembangunan iteratif, dan laluan maklum balas pengguna, untuk memberi keutamaan kepada pendekatan yang berpusat pada pengguna yang disesuaikan dengan keperluan yang berubah-ubah daripada pengguna teknologi moden. Melalui StarTech Hub, satu pasaran digital dibangunkan yang didorong oleh komuniti dengan perkembangan terkini dalam sains komputer tetapi juga secara langsung menangani cabaran khusus dan kontemporari yang dihadapi oleh penggemar teknologi dan pengguna harian. StarTech Hub bertujuan untuk menjadi pasaran berasaskan komuniti yang efektif.

PENGENALAN


Dalam dunia yang semakin maju melalui teknologi, pengalaman membeli-belah produk teknologi menjadi penting. Kemajuan teknologi telah membolehkan pelanggan untuk mengakses, membandingkan, dan membeli produk dari hampir mana-mana lokasi di dunia. Walaubagaimanapun, dengan pelbagai produk dan penjual yang melimpah, pengguna sering mengalami kesukaran dalam mencari tempat yang boleh dipercayai untuk membeli produk

teknologi yang mereka perlukan. Platform e-dagang 'StarTech Hub' direka untuk memenuhi keperluan ini dengan menyediakan satu pusat yang menyatukan pelbagai penjual dan produk teknologi dalam satu platform yang selamat, mudah dan menyenangkan untuk digunakan.

Kajian ini mengkaji pengalaman membeli-belah teknologi yang sering dianggap tidak berkesan dan membingungkan oleh pengguna. Projek ini bertujuan untuk mewujudkan penyelesaian yang memanfaatkan teknologi terkini untuk menyederhanakan proses pembelian, meningkatkan kepercayaan pengguna, dan memajukan interaksi sosial antara pengguna dan komuniti teknologi. Dengan 'StarTech Hub', kami bukan sahaja mencari untuk meningkatkan akses kepada produk tetapi juga untuk membangunkan pengalaman pembelian produk teknologi yang lebih bersepadu dan berorientasikan komuniti.

METODOLOGI KAJIAN

Metodologi pembangunan yang akan diadopsi untuk projek 'StarTech Hub' ialah pendekatan Agile yang akan membolehkan pasukan untuk bekerja secara iteratif dan responsif terhadap perubahan keperluan. pendekatan ini akan memastikan bahawa platform e-dagang yang dibangunkan bukan sahaja memenuhi jangkaan pengguna semasa tetapi juga fleksibel untuk penyesuaian masa depan. Berikut ialah butiran metodologi Agile yang akan diikuti:



Rajah 1 Metodologi Agile

Metodologi pembangunan yang akan digunakan untuk projek 'StarTech Hub' ialah pendekatan Agile yang akan membolehkan pasukan untuk bekerja secara iteratif dan responsif terhadap perubahan keperluan. pendekatan ini akan memastikan bahawa platform e-dagang yang dibangunkan bukan sahaja memenuhi jangkaan pengguna semasa tetapi juga fleksibel untuk penyesuaian masa depan. Berikut ialah butiran metodologi Agile yang akan diikuti:

i. Keperluan (Requirement)

- Mengenal pasti dan mendokumentasikan keperluan fungsi dan bukan fungsi untuk platform 'StarTech Hub'.
- Mengadakan sesi dengan pihak-pihak berkepentingan untuk mengumpul keperluan dan memberi keutamaan kepada ciri-ciri penting.

ii. Reka Bentuk(Design)

- Reka bentuk antara muka pengguna dengan memberi tumpuan kepada pengalaman pengguna yang intuitif (UX) dan interaksi pengguna yang menarik (UI).
- Membina seni bina sistem yang akan menyokong operasi platform secara berkesan, termasuk pembayaran yang selamat dan pengurusan data.
- Mencipta wireframes dan prototaip untuk ciri-ciri utama untuk memastikan reka bentuk memenuhi harapan pengguna.

iii. Pembangunan (Development)

- Memulakan proses pengkodan berdasarkan reka bentuk yang telah disetujui, mengikuti amalan terbaik pembangunan perisian.
- Melaksanakan ciri-ciri penting platform secara beransur-ansur, mengikuti prinsip-prinsip pembangunan Agile dengan sprint yang teratur.
- Menjamin kerjasama rapat antara pengembang, pereka, dan penganalisis untuk mengekalkan visi yang konsisten dan menyesuaikan dengan cepat kepada perubahan.

iv. Pengujian (Testing)

- Melakukan ujian iteratif pada setiap ciri yang dibangunkan untuk memastikan fungsi, keserasian, dan keselamatan.
- Menggunakan kaedah pengujian automatik dan manual untuk mengenal pasti dan membetulkan masalah sebelum mereka menjangkau pengguna.
- Termasuk ujian pengguna akhir untuk mendapatkan maklum balas sebenar dan melaksanakan penyesuaian yang diperlukan.

v. Pengeluaran (Deployment)

- Menyediakan platform untuk pelancaran dengan menerapkan ciri-ciri yang telah diuji dan disetujui kepada persekitaran pengeluaran.
- Menguruskan rilis dengan teliti untuk memastikan transisi yang lancar untuk pengguna.
- Menyusun strategi pelancaran yang termasuk latihan pengguna, sokongan teknikal, dan komunikasi pemasaran.

vi. Ulasan (Review)


- Melakukan ulasan secara berkala dengan pihak-pihak berkepentingan dan pengguna untuk menilai prestasi platform dan mengenal pasti peluang untuk peningkatan.
- Mengumpul dan menganalisis data penggunaan untuk memahami bagaimana platform digunakan dan bagaimana untuk meningkatkan pengalaman pengguna.

Dengan mengikuti langkah-langkah ini, 'StarTech Hub' dijangka boleh membangunkan platform e-dagang yang responsif kepada keperluan pengguna dan dinamik dalam inovasi, sambil memastikan kualiti dan kepuasan pengguna. Pendekatan ini juga akan membantu dalam mengenal pasti dan mengurangkan risiko lebih awal dalam kitaran pembangunan, serta memudahkan peningkatan berterusan berdasarkan maklum balas yang konstruktif.

KEPUTUSAN DAN PERBINCANGAN

Laman StarTech Hub menyediakan antaramuka pengguna yang intuitif dengan navigasi yang mudah. Halaman utama memaparkan produk yang dijual, troli beli-belah, butang profil, dan pilihan kategori untuk mencari produk secara khusus. Pengguna boleh mendaftar, log masuk, mencari produk, menambah produk ke troli, dan membuat pembelian dengan mudah melalui antaramuka yang responsif. Dalam proses Pembangunan StarTechHub dibangunkan menggunakan Sublime Text 3 dan Xampp. Bahasa pengaturcaraan yang digunakan adalah PHP, HTML, CSS dan JavaScript.

Apabila melayari ke laman ini, ia akan dibawah ke laman utama di mana pengguna boleh melihat kategori-kategori produk dan senarai produk. Untuk membuat pembelian, pengguna harus log masuk atau daftar masuk akaun baru. Rajah di bawah menunjukkan laman utama dan laman Log Masuk/Daftar.




Rajah 2 Laman Utama StarTech Hub


The image displays two screenshots of a web application's user interface. The top screenshot shows the 'Login' page, which includes a logo at the top, a 'Login' title, and two input fields for 'Email' and 'Password'. Below these fields is a blue 'Login' button and a link that says 'Don't have an account? Sign Up!'. The bottom screenshot shows the 'Sign Up' page, which includes the same logo and a 'Sign Up' title. It features five input fields: 'Name', 'Email', 'Username', 'Password', and 'Confirm Password'. There is also a checkbox labeled 'Show Password' and a blue 'Sign Up' button. At the bottom, there is a link that says 'Already have an account? Login!'. A large, semi-transparent watermark reading 'Copyright © FTSM' is overlaid diagonally across both screenshots.

Rajah 3 Laman Log Masuk / Daftar Masuk


Selepas Log Masuk , Pengguna boleh membuat pembelian dengan menekan untuk melihat produk dan tambah ke troli. Setelah pengguna menekan untuk melihat suatu produk, pengguna boleh melihat deskripsi produk tersebut. Pengguna boleh mengubah kuantiti produk untuk tambah ke dalam troli. Dalam bahagian laman troli, pengguna boleh mengubah kuantiti dan padam produk yang tidak diperlukan dari troli. Selepas itu , pengguna boleh teruskan ke proses pembayaran dan selesai. Rajah-rajah di bawah adalah laman melihat produk, laman troli dan laman proses pembayaran.



Rajah 4 Laman Melihat Produk




Rajah 5 Laman Beg Trolis



Rajah 6 Laman Proses Pembayaran

Selepas membuat pembelian, pengguna akan dibawa balik ke laman utama, pengguna boleh menekan butang profil. Dalam laman profil, pengguna boleh mengubah maklumat pengguna dan menekan butang Sejarah pesanan untuk melihat Sejarah pembelian. Berikut merupakan laman profil dan laman Sejarah pembelian.



Profile

Username
A192755

Password

Email
sutharsanan01@gmail.com


Full Name
Sutharsanan

Address
No 32, Lorong A, Taman ABCD, Malaysia

Phone Number
0123456789

[Edit](#) [Order History](#)

Rajah 7 Laman Sejarah Pembelian




Order Date	Total Amount	Products	Status
2024-06-28 15:32:50	RM 11998.00	• S24 ULTRA - Quantity: 2 - Price: RM 5999.00	Delivered
2024-07-04 03:31:12	RM 499.00	• RK ROYAL KLUDGE RKRTS - Quantity: 1 - Price: RM 199.00 • DataTraveler Keyson - Quantity: 2 - Price: RM 150.00	Shipped
2024-07-09 21:44:28	RM 7854.00	• Zenbook 5 16 - Quantity: 1 - Price: RM 7999.00 • DataTraveler Keyson - Quantity: 1 - Price: RM 155.00	Processing

StarTech Hub Quick Links Payment Methods Reach Us

Rajah 8 Laman Sejarah Pesanan

Pengguna boleh menggunakan forum dinamik untuk membuat forum pertanyaan atau bantu komen kepada pengguna lain yang membuat forum pertanyaan. Pengguna boleh memadam forum dan komen yang dicipta sendiri. Sebagai Admin, admin boleh memadam forum dan komen yang dicipta oleh pengguna lain. Berikut merupakan rajah laman Forum Dinamik.



Forum

Welcome, A192755 |

Create New Forum Post

Title

Description

Normal **B** *I* U


[Create Forum](#)

Test 2
www
Created by A192755 on 2024-06-18 13:58:46

Rajah 9 Laman Forum Dinamik

Untuk bahagian admin, akan mempunyai laman muka yang berbeza, selepas log masuk akan dibawah ke admin dashboard. Di sini admin boleh melihat jumlah jualan, jumlah pesanan, bilangan produk,

dan bilangan pelanggan. Admin boleh melihat graf jumlah pembelian mengikut harian dan bulanan, dan melihat pesanan baru. Berikut merupakan laman Admin Dashboard.



Rajah 10 Halaman Admin Dashboard




Untuk bahagian tambah/edit produk, admin boleh menambah produk baru, edit atau padam produk yang tidak perlu. Berikut merupakan laman Admin- Tambah/ Edit Produk

The screenshot shows the 'Create New Product' form in the Admin Dashboard. The form includes the following fields: Name (Product Name), Brand (APPLE), Price (Product Price), Original Price (Original Price), Category (Accessories), Image (Choose File, No file chosen), Description, and Stock.

						captures every moment with AI-enhanced precision. Enjoy vibrant visuals on the 6.8-inch Dynamic AMOLED display, while staying connected with WiFi, Bluetooth, NFC, and lightning-fast 5G speeds. With a long-lasting 5000 mAh battery and intuitive Android 14 with One UI 6.1 interface, the Galaxy S24 Ultra AI always your smarts, productivity, and connectivity to new heights, making it the ultimate companion for modern lifestyles.		
2	S24+	SAMSUNG	5399.00	5099.00	smartphone	Big, bigger and faster! They're the upgrades you've waited for. More screen. More battery. More processing power? There's so much more to love about Galaxy S24 and S24+. Especially now that Galaxy S24+ comes with the highest screen resolution on a Galaxy device: QHD+.	12	 
3	iPhone 15 Plus	APPLE	5499.00	5999.00	smartphone	iPhone 15 Plus brings you Dynamic Island, a 48MP Main camera and USB-C — all in a durable colour-infused glass and aluminium design. • COMES WITH APPLE CARE WARRANTY — Every iPhone comes with a one-year limited warranty and up to 90 days of complimentary technical support.	15	 
4	iPhone 15 Pro Max	APPLE	6499.00	5999.00	smartphone	iPhone 15 Pro Max. Forged in titanium and featuring the	10	 

Rajah 11 Halaman Admin- Tambah/ Edit Produk



Untuk bahagian melihat pesanan pelanggan, admin boleh melihat pesanan pelanggan dan boleh mengubah status pembelian. Berikut merupakan laman Admin-Pesanan pelanggan.

OrderID	CustomerID	Username	FullName	Email	OrderDate	TotalAmount	Status	Action
1	2	A192755	Suharsanan	suharsanan01@gmail.com	2024-06-28 15:32:59	11988.00	Delivered	
2	2	A192755	Suharsanan	suharsanan01@gmail.com	2024-07-04 03:31:12	499.00	Shipped	
3	2	A192755	Suharsanan	suharsanan01@gmail.com	2024-07-09 21:44:28	7854.00	Processing	

Rajah 12 Halaman Admin Melihat Pesanan Pelanggan

HASIL KAJIAN

Berikut merupakan hasil yang didapati dari hasil kajian demografi responden. Kajian ini didasarkan kepada semua orang awam untuk membantu mengumpul maklumat dan data yang berkaitan dengan laman web StarTechHub. Kajian dilakukan dalam skala 1-5 dimana 1 adalah Sangat tidak bersetuju, Sangat setuju. Seramai 19 orang responden telah mengambil bahagian dalam kajian ini. 78.9% adalah dari umur 18-25, 15.8% adalah dari umur 26-35 dan selainya adalah 36-45. 68.4% adalah jantina lelaki dan 31.6% adalah jantina perempuan.


Umur
19 responses*Rajah 13 Demografi -Umur*Gender (Jantina)
19 responses*Rajah 14 Demografi -Jantina*

BAHAGIAN 1 : DAFTAR & LOG MASUK

Rajah di bawah menggambarkan data demografi mengenai pendapat pengguna mengenai laman daftar dan Log Masuk ke laman web StarTechHub. Untuk kajian fungsi log masuk dan daftar berfungsi dengan betul, 63.2 % memberi skala 4 dan 36.8 % memberi skala 5. Untuk pendapat antara muka halaman log masuk dan daftar masuk mudah untuk digunakan 84.2 % memberi skala 4 dan 15.8 % memberi skala 5. Untuk halaman log masuk dan daftar mempunyai mesej ralat yang betul jika ada kesalahan dalam mengisi maklumat, 5.3% memberi skala 3 dan 94.7% memberi skala 4. Untuk Saya berpuas hati dengan fungsi dan bentuk halaman log masuk dan daftar masuk 100% memberi skala 4.

Fungsi log masuk dan daftar berfungsi dengan betul.


19 responses



Rajah 15 Demografi - Bahagian 1 Soalan 1

Antara muka dalam halaman log masuk dan daftar masuk mudah untuk digunakan.


19 responses



Rajah 16 Demografi - Bahagian 1 Soalan 2


Halaman log masuk dan daftar masuk mempunyai mesej ralat yang betul jika ada kesalahan mengisi maklumat.

19 responses



Rajah 17 Demografi - Bahagian 1 Soalan 3

Saya berpuas hati dengan fungsi dan bentuk halaman log masuk dan daftar masuk
19 responses




Rajah 18 Demografi - Bahagian 1 Soalan 4

BAHAGIAN 2: HALAMAN UTAMA

Rajah di bawah menggambarkan data demografi mengenai pendapat pengguna mengenai laman utama StarTechHub. Untuk halaman utama mudah untuk diguna, 73.7% memberi skala 4 dan 26.3% memberi skala 5. Untuk Menu navigasi (Home, Categories, About Us, Forum, Search, Cart, Profile) boleh diakses dan berfungsi dengan betul, 94.7% memberi skala 4 dan 5.3% memberi skala 5. Untuk fungsi carian (search) berfungsi dengan betul, 15.8% memberi skala 3 dan 84.2% memberi skala 4. Untuk boleh menekan produk-produk yang disenarai dan melihat dengan betul, 5.3% adalah skala 3, 89.5 adalah skala 4 dan 5.3% skala 5. Untuk saya berpuas hati dengan fungsi-fungsi dalam halaman utama, 100% memberi skala 4.


Halaman utama mudah untuk diguna
19 responses



Rajah 19 Demografi - Bahagian 2 Soalan 1

Menu navigasi (Home, Categories, About Us, Forum,Search, Cart, Profile) boleh diakses dan berfungsi dengan betul.


19 responses



Rajah 20 Demografi - Bahagian 2 Soalan 2

Fungsi carian (search) berfungsi dengan betul.


19 responses



Rajah 21 Demografi - Bahagian 2 Soalan 3

Boleh menekan produk-produk yang disenarai dan melihat dengan betul


19 responses



Rajah 22 Demografi - Bahagian 2 Soalan 4

Saya berpuas hati dengan fungsi-fungsi dalam halaman utama

19 responses




Rajah 23 Demografi - Bahagian 2 Soalan 5

BAHAGIAN 3: MELIHAT PRODUK, TROLI DAN PEMBAYARAN

Rajah di bawah menggambarkan data demografi mengenai pendapat pengguna mengenai laman melihat produk, menambah/mengemaskini produk ke troli dan proses pembayaran dalam laman web StarTechHub. Untuk boleh melihat produk yang dipilih dengan gambar dan maklumat yang betul, 89.5% memberi skala 4 dan 10.5% memberi skala 5. Untuk boleh mengubah kuantiti produk yang dipilih dan menambah masuk ke troli, 100% memberi skala 4. Untuk boleh mengubah kuantiti, padam produk dalam troli, 94.7% beri skala 4 dan 5.3% beri skala 5. Untuk boleh membuat proses pembayaran, 36.8% beri skala 3 dan 63.2% beri skala 4. Untuk saya berpuas hati dengan fungsi untuk Melihat Produk, Troli, Pembayaran, 10.5% beri skala 3 dan 89.5% beri skala 4.


Boleh melihat produk yang dipilih dengan gambar dan maklumat yang betul

19 responses




Rajah 24 Demografi - Bahagian 3 Soalan 1

Boleh mengubah kuantiti produk yang dipilih dan menambah masuk ke troli
19 responses




Rajah 25 Demografi - Bahagian 3 Soalan 2

Boleh mengubah kuantiti, padam produk dalam troli
19 responses




Rajah 26 Demografi - Bahagian 3 Soalan 3

Boleh membuat proses pembayaran
19 responses



Rajah 27 Demografi - Bahagian 3 Soalan 4

Saya berpuas hati dengan fungsi untuk Melihat Produk, Troli, Pembayaran
19 responses




Rajah 28 Demografi - Bahagian 3 Soalan 5

BAHAGIAN 4: PROFIL & SEJARAH PESANAN

Rajah di bawah menggambarkan data demografi mengenai pendapat pengguna mengenai laman profil untuk mengemaskini maklumat dan melihat sejarah pesanan dalam laman web e-dagang StarTechHub. Untuk mengemaskini maklumat dengan mudah, 89.5% beri skala 4 dan 10.5% beri skala 5. Untuk boleh melihat sejarah pembelian produk dengan mudah, 89.5% beri skala 4 dan 10.5% beri skala 5. Untuk saya berpuas hati dengan fungsi Profil dan sejarah pesanan, 10.5% beri skala 3 dan 89.5% beri skala 5.


Boleh mengemaskini maklumat dengan mudah
19 responses



Rajah 29 Demografi - Bahagian 4 Soalan 1

Boleh melihat sejarah pembelian produk dengan mudah


19 responses



Rajah 30 Demografi - Bahagian 4 Soalan 2

Saya berpuas hati dengan fungsi Profil dan sejarah pesanan

19 responses




Rajah 31 Demografi - Bahagian 4 Soalan 3

BAHAGIAN 5: FORUM

Rajah di bawah menggambarkan data demografi mengenai pendapat pengguna mengenai laman forum dalam laman web StarTechHub. Untuk saya boleh mencipta perbincangan forum dengan mudah, 26.3% beri skala 4 dan 73.7% beri skala 5. Untuk saya boleh berkomen dalam forum sendiri dan forum yang dicipta oleh pengguna lain, 84.2% beri skala 4 dan 15.8% beri skala 5. Untuk saya boleh memadam forum atau komen yang saya telah membuat dengan mudah, 89.5% beri skala 4 dan 10.5% beri skala 5. Untuk saya berpuas hati dengan fungsi forum, 89.5% beri skala 4 dan 10.5% beri skala 5

Saya boleh mencipta perbincangan forum dengan mudah


19 responses



Rajah 32 Demografi - Bahagian 5 Soalan 1

Saya boleh berkomen dalam forum sendiri dan forum yang dicipta oleh pengguna lain


19 responses



Rajah 33 Demografi - Bahagian 5 Soalan 2


Saya boleh memadam forum atau komen yang saya telah membuat dengan mudah

19 responses



Rajah 34 Demografi - Bahagian 5 Soalan 3

Saya berpuas hati dengan fungsi forum
19 responses



Rajah 35 Demografi - Bahagian 5 Soalan 4

KESIMPULAN

Projek StarTech Hub telah berjaya dibangunkan sebagai sebuah platform e-dagang yang bertujuan untuk memudahkan proses pembelian produk teknologi. Melalui integrasi pelbagai fungsi seperti antaramuka pengguna yang intuitif, sistem pencarian lanjutan, dan sokongan pelanggan yang responsif, StarTech Hub menawarkan pengalaman membeli-belah yang lebih baik kepada pengguna.

KELEBIHAN SISTEM

Projek StarTech Hub memenuhi keperluan pengguna seperti yang dinyatakan dalam bab sebelumnya. Antara kelebihan sistem ini ialah:

- i. Menyediakan platform yang mengumpulkan pelbagai produk teknologi dalam satu tempat yang mudah diakses.
- ii. Membangunkan forum dinamik untuk ulasan produk dan perbincangan pengguna, menjadikan platform ini lebih interaktif dan berorientasikan komuniti.

KEKURANGAN SISTEM

Setiap sistem yang dibangunkan pasti akan menghadapi kekangan tertentu. Antara kekangan yang dihadapi oleh StarTech Hub ialah:

- i. Ketiadaan fungsi ulasan produk yang dibeli, yang dapat memberikan maklumat berguna kepada pengguna lain.
- ii. Kekurangan dalam sistem rekomendasi produk berdasarkan pencarian pengguna, yang boleh memperbaiki pengalaman membeli-belah.

CADANGAN PENAMBAHBAIKAN

Antara cadangan yang dapat dikemukakan untuk memperbaiki lagi projek StarTech Hub ialah:

- i. Memperkenalkan fungsi ulasan produk yang dibeli untuk membantu pengguna lain membuat keputusan pembelian yang lebih berinformasi.
- ii. Mengintegrasikan algoritma pembelajaran mesin yang lebih canggih untuk memberikan rekomendasi produk yang lebih tepat berdasarkan sejarah pencarian dan pembelian pengguna.
- iii. Meningkatkan masa pembangunan untuk memastikan semua fungsi dapat dilaksanakan dengan baik dan diuji dengan teliti sebelum pelancaran.

RUJUKAN

Chatmini Jayathilaka.2020.Agile Methodology.(Online).
<https://medium.com/@chathmini96/agile-methodology-30ec4cdf3fc> [7 November 2023]

Ullah, S.E., Alauddin, T. & Zaman, H.U.. 2016. Developing an E-commerce website: 1–4... <https://ieeexplore.ieee.org/abstract/document/7522526>. [13 Januari 2024]

Ujian Kebolegunaan Laman Web StarTechHub. 2024. .
https://docs.google.com/forms/d/e/1FAIpQLSedS-09K9H1vqTC_Fw0rx8vIk4XLzQ5-JfWegQMC2mdXc7pDQ/viewform?edit_requested=true&usp=embed_facebook. [2 Julai 2024]

Sutharsanan A/L Selvam (A192755)
Prof. Madya. Dr. Yazrina Yahya
Fakulti Teknologi & Sains Maklumat
Universiti Kebangsaan Malaysia